

Newspaper	Utusan Melayu
Date	04/08/17C

## Dr. M berbohong, cuba kelirukan rakyat

**KUALA LUMPUR 3 Ogos** - Pemuda UMNO Kedah percaya Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak bercakap benar dan cuba mengelirukan rakyat apabila menuduh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berjumpa beliau untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketuanya, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin berkata, niat untuk menipu itu membuktikan bahawa Dr. Mahathir amat terdesak terutama selepas menyedari serangan beliau terhadap UMNO dan Barisan Nasional (BN) tidak mendatangkan kesan.

Justeru, Pemuda UMNO Kedah mengutuk keras tindakan itu



SHAIFUL HAZIZY



SHARIL HAMDAN

dan mahu strategi politik tidak bermaruah tersebut dihentikan serta-merta.

"Sebagai seorang yang bergelar negarawan, Dr. Mahathir perlu berhadapan dengan lawan secara 'gentlemen' dan bukannya mengada-adakan cerita yang tidak wujud sama

sekali. Kami juga mahu tuduhan dan kenyataan Dr. Mahathir itu dibuktikan segera.

"Kami yakin dan percaya hubungan Ahmad Zahid dengan Datuk Seri Najib Tun Razak kekal utuh dan mereka adalah gandingan yang paling ideal mempertahankan parti. Sebarang usaha murahan dan picisan sudah semestinya tidak

akan membawa kesan sama sekali," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Shahril Hamdan berkata, Dr. Mahathir hanya mempergunakan orang Melayu untuk mencapai agenda

dan kepentingan peribadi.

Kata beliau, perkara tersebut jelas apabila semakin banyak pusingan U yang dilakukan bekas Perdana Menteri itu, termasuk usaha memecahbelahkan orang Melayu.

"Itulah yang cuba disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengenai susur galur Dr. Mahathir baru-baru ini, bukannya mahu menghina atau mengutuk seperti yang didakwa pihak pembangkang.

"Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden UMNO seorang yang konsisten dalam mempertahankan parti dan Presiden daripada serangan lawan, malah keperibadian beliau yang setia itu turut diketahui ramai," katanya.

um- 4/8/2017 pg.13